


SHALEN CONSULTANCY SERVICES
Asas Keusahawanan (ETR 300)

Disediakan untuk :
PUAN ZAITON SHARIFF
Pensyarah ETR 300
ITM Melaka

Disediakan oleh :
SH.HANIM ALHABSHI SYED HOOD
NORMANIZAM HJ. ZAKARIA
NURULHUDA ABDUL LATIF
HEIZLEEN JAMALUDDIN
MOHD. NOR YAHAYA
SOPHINA SUPIAR

Diploma Perakaunan
Semester 5
ITM Melaka

24 Oktober 1996



INSTITUT TEKNOLOGI MARA

CAWANGAN MELAKA

MARA INSTITUTE OF TECHNOLOGY

31hb. Julai 1996

Tarikh:

Surat Tuan:

Surat Kami:

Km 26, Jalan Lendu, 78000 Alor Gajah Melaka

Tel No: 06-565241, 565341, 565342, 565770, 565771

Telefax: 06-563963

100-CM(AKA 30/78)

KEPADА SESIAPA YANG BERKENAAN

Tuan,

Sukacita dimaklumkan bahawa pelajar yang tersenarai namanya di bawah adalah pelajar Institut Teknologi MARA, Melaka dan sedang mengikuti Kursus Diploma Perakaunan. Mereka telah ditugaskan untuk membuat penyelidikan bagi memenuhi syarat matapelajaran mereka.

<u>Bil</u>	<u>Nama Pelajar</u>	<u>No. K/P ITM</u>
1.	Nurulhuda Abdul Latif	94613123
2.	Sophina Supiar	94424834
3.	Heizleen Jamaluddin	94649821
4.	Normanizam Hj Zakaria	94649798
5.	Sharifah Hanim Alhabshi Syed Hood	94617685
6.	Mohd Nor Yahaya	94212099

Sehubungan dengan itu, dapat kiranya pihak tuan membantu mereka dengan maklumat-maklumat yang berkaitan untuk menjayakan projek kajian mereka. Segala maklumat yang diperolehi akan digunakan semata-mata untuk tujuan akademik sahaja.

Sekian, di atas perhatian dan kerjasama daripada pihak tuan kami dahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

Yang benar

ABD RAZAK MD JAIS
Ketua Kursus DIA
ITM Melaka.
b/p Pengetua

SHALEN CONSULTANCY SERVICES
Lot 2, Tingkat 1 Bangunan UMNO
78000 Alor Gajah
Melaka

25 Oktober 1996

Puan Zaiton Bt Shariff
Pensyarah ETR 300 DIA 5B
Institut Teknologi Mara
Km 26 Jalan Lendu
78000 Alor Gajah
Melaka

Puan Yang Dihormati

KERTAS KERJA PROJEK ETR 300

Bersama-sama ini dimajukan kertas kerja ETR 300 mengenai rancangan perniagaan Shalen Consultancy Services untuk perhatian dan tindakan dari puan selanjutnya.

Alhamdulillah , dengan adanya bimbingan dan tunjuk ajar dari puan kami dapat melaksanakan projek kertas kerja ini dengan lancar. Di samping itu, kombinasi ilmu dan pengetahuan serta gandingan antara kecekalan dan kesungguhan, kami berjaya menyiapkan projek kertas kerja ini mengikut tempoh yang telah ditetapkan.

Kami amat berharap agar kertas kerja ini dapat dimanfaatkan sepenuhnya sebagai panduan dan rujukan kepada semua warga ITM Melaka dan generasi akan datang serta bakal-bakal usahawan dalam arena perniagaan dalam bidang seperti ini.

Sekian , Wassalam.

Yang Ikhlas

.....
(Sophina bt. Supiar)
Pengerusi
Shalen Consultancy Services

.....
(Nurulhuda bt. Abdul Latif)
Rakan Kongsi

.....
(Normanizam bt. Hj Zakaria)
Rakan Kongsi

.....
(Heizleen bt. Jamaluddin)
Rakan Kongsi

.....
(Sh. Hanim Alhabshi bt. Syed Hood)
Rakan Kongsi

.....
(Mohd Nor b. Yahaya)
Rakan Kongsi

1.0 PENGENALAN

1.1 Agensi perkhidmatan rundingcara perakaunan (accounting consultant agency) adalah salah satu bentuk perniagaan dibidang rundingcara kewangan yang sedang berkembang dengan pesat selaras dengan keperluan semasa serta seiring dengan pertumbuhan yang mampan di bidang ekonomi khususnya dalam sektor industri.

1.2 Negeri Melaka , Negeri Sembilan dan Johor merupakan koridor pertumbuhan perindustrian yang sedang membangun dan mempunyai potensi untuk berkembang dengan pesat dan maju. Melaka misalnya merupakan sasaran pelaburan baru yang tidak terkecuali dalam perkembangan ini. Langkah kerajaan negeri mewujudkan zon-zon industri seperti di Batu Berendam, Melaka, Masjid Tanah dan Alor Gajah merupakan satu langkah bijak untuk menarik lebih ramai pelabur tempatan dan luar negeri menjalankan perniagaan di Melaka. Kesan secara tidak langsung kepada langkah ini ialah wujudnya lebih banyak syarikat syarikat bermodal besar , industri kecil dan sederhana dan perniagaan 'sole trader' yang beroperasi di sekitar kawasan pembangunan yang dimaksudkan.

1.3 Pengurusan perakaunan didalam sesebuah perniagaan samaada syarikat atau 'sole trader ' adalah penting. Tanpa adanya komponen perakaunan yang kukuh sesebuah syarikat dan perniagaan itu tidak dapat diuruskan dengan bijaksana dan berkemungkinan berakhir dengan kebankrapan. Tinjauan secara rambang di kawasan sekitar Alor Gajah dan Masjid Tanah mendapati kebanyakan syarikat syarikat kecil dan perniagaan 'sole trader' tidak mempunyai kakitangan yang khusus untuk menyediakan laporan kewangan mereka untuk tujuan rekod dan pencukaian. Ini adalah kerana mereka tidak mampu untuk mengadakan pekerja khusus yang mahir dalam perakaunan oleh sebab sebab tertentu.

1.4 Mengambil inisiatif daripada perkembangan ini maka kumpulan kami berpendapat bahawa perniagaan berbentuk rundingcara kewangan adalah satu peluang yang bijak serta berpotensi cerah untuk berkembang dengan pesat dan mampu memberi pulangan yang baik.

1.5 Dengan berbekalkan aset seperti pengetahuan dan kemahiran serta kepakaran yang ada, matlamat kami adalah untuk menujuhkan sebuah firma